

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 November 2015

Tun M bidas Tawfik

UM - 12/11/2015

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kenyataan Tawfik Ismail yang mahu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dihapuskan sebagai pandangan peribadi yang didorong oleh pemikirannya atas kebencian terhadap kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, beliau berkata, anak sulung kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman bebas untuk menyatakan pandangan peribadi atas prinsip kebebasan bersuara dalam sesebuah negara demokrasi.

"Itu hanyalah pandangan peribadi dia. Jika masyarakat ingin menyingkirkan Jakim, mereka boleh melakukannya. Mereka juga boleh berhenti daripada menyokong kerajaan jika mereka mahu."

"Saya tidak bersetuju dengan dia. Hanya mereka berfikir sempit sahaja yang akan menyokong kenyataan Tawfik," katanya ketika sidang akhbar sempena Simposium Peperangan Malaysia Menen-

ang Rasuah 2015, di sini hari ini.

Beliau mengulas artikel sebuah portal yang memetik kenyataan Tawfik yang mahu Jakim dimansuhkan kerana dilihat seolah-olah mencampuri kehidupan peribadi rakyat di negara ini.

Menerusi portal tersebut, Tawfik menyatakan, sebelum Jakim ditubuhkan, kerajaan tidak memberitahu rakyat beragama Islam bagaimana untuk mengamalkan kepercayaan mereka dan tiada siapa yang memandang serong terhadap umat Islam membela anjing.

Dalam pada itu, beliau turut mengkritik Tawfik sebagai seseorang yang mempunyai agenda tertentu serta tidak mempunyai niat baik.

"Ketika mengadakan pertemuan dengan saya sebelum ini, dia menyatakan sokongan kepada saya tetapi apabila di belakang saya, dia bersifat di sebaliknya," ujarinya.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, masyarakat perlu tahu perbandingan di antara rasuah



MAHATHIR MOHAMAD



Saya tidak bersetuju dengan dia.

Hanya mereka berfikir sempit sahaja yang akan menyokong kenyataan Tawfik."

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

dan tawaran yang digunakan pemimpin parti politik semasa pilihan raya terutama dalam manifesto.

"Pemimpin perlu mempunyai manifesto yang baik untuk pembangunan negara bukan kepentingan peribadi. Garisan pemisah di antara dua perkara tersebut kecil, jadi jangan melangkau garisan itu yang membezakan dua perkara tersebut.

"Tidak mustahil untuk mengurangkan rasuah tetapi perlu melihat pada pelbagai sudut dan proses yang lebih teliti," katanya.